



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PEKELILING MAJIKAN BIL. 6 TAHUN 2021**

**PERMOHONAN TUNTUTAN FAEDAH KEMALANGAN, PENYAKIT KHIDMAT  
DAN KEMATIAN DI BAWAH SKIM BENCANA PEKERJAAN AKTA  
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4) MENERUSI PORTAL**

---

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kepada majikan tatacara permohonan tuntutan faedah **Skim Bencana Kerja (SBK)** bagi kemalangan, penyakit khidmat dan kematian untuk semua status pekerja sama ada warganegara, pemastautin tetap atau sementara melalui portal di laman sesawang rasmi <https://www.perkeso.gov.my>.
2. Selaras dengan slogan "PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO" yang dipraktikkan oleh PERKESO serta segala usaha penambahbaikan pengoperasian dan menyokong dasar Kerajaan ke arah pendigitalan penyampaian perkhidmatan, mendorong PERKESO menyediakan kemudahan dalam talian untuk permohonan tuntutan faedah kemalangan, penyakit khidmat dan kematian di bawah SBK Akta 4 menerusi portal web
3. Permohonan menerusi portal hanya melibatkan Notis Kemalangan, Notis Penyakit Khidmat dan Notis Kematian. Permohonan tuntutan faedah hanya boleh dilakukan oleh majikan atau wakil majikan sahaja dengan menggunakan kaedah berikut:
  - i. Majikan atau wakil majikan yang mempunyai *ID* pengguna dan kata laluan Portal ASSIST sedia ada boleh membuat tuntutan faedah menerusi portal dengan *ID* pengguna dan kata laluan yang sama; atau
  - ii. Bagi majikan atau wakil majikan yang tidak mempunyai *ID* pengguna dan kata laluan Portal ASSIST hendaklah membuat permohonan pendaftaran

majikan melalui Portal ASSIST bagi mendapatkan ID pengguna dan kata laluan terlebih dahulu.

4. Bagi melengkapkan permohonan tuntutan faedah, majikan atau wakil majikan hendaklah memuat naik dokumen sokongan berkaitan, manakala Borang Butiran Notis dan Tuntutan Faedah (Borang 34) akan dijana secara automatik berdasarkan butiran permohonan tuntutan.
5. Majikan masih boleh memilih permohonan tuntutan faedah di bawah SBK secara manual dengan melengkapkan Borang Butiran Notis dan Tuntutan Faedah (Borang 34) dan mengemukakan ke Pejabat PERKESO.
6. Tuntutan faedah di bawah Skim Keilatan masih menggunakan cara manual dengan melengkapkan Borang Butiran Notis dan Tuntutan Faedah (Borang 34) dan mengemukakan borang tersebut ke Pejabat PERKESO sama ada secara pos ataupun melalui kaunter.
7. Pekeliling majikan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2021**.
8. Bagi sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkaitan perkara ini, majikan boleh menghubungi talian 1-300-22-8000 atau hadir ke mana-mana pejabat PERKESO yang berhampiran.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pembudayaan Norma Baharu Dalam Dunia Pekerjaan Sejangat"***

  
(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 3 Jun 2021